


Suatu
Pendedahan & Mukasabau
Para Penguang Islam

MOHD SABU

AIR MATA DI BUMI...

Memali



131
A

C.N. AL-AFGHANI



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



6/9/2021

Rekabentuk Kulit & Rekaletak ..



Penerbit

PENERBITAN AL- JIHADI

Desa Subang Permai,
Shah Alam, Selangor.



Cetakan Pertama
November 2010

PUSTAKA PERDANA



1013017

Pengedar Tunggal

WARISAN SYUHADA

0134432542

0195059613





2 “ Hak seseorang yang di tuduh dengan tuduhan melibatkan agama, maruah serta moral adalah di benarkan membela dirinya secara lisan, menulis di surat-surat khabar dan berucap di radio dan televisyen. Terutama jika pandangan umum akan memberi kesan yang cukup besar dalam kes tersebut”

*Political crimes and offences - Malaysia
1.3 - Politics and Law*

Petikan dari buku Fatwa mengenai isu fitnah oleh Prof. Dr. Yusuf Qardhawi. Muka surat 11 perenggan pertama

KANDUNGAN

Cerita Dalam Kereta	6
Hijrah Curah Bakti	10
Di Pukau atau Terpukau	37
Yang Aman Yang Bebas	68
Sapa Dia Tu	101
Dia Tu Cerdik	115
Air Mata Mat Sabu	141
Aku Yang Berhormat	156
Selamatkan Memali	177
Memohon Kasih	192
Korban Diri	205
Arkitek Di Bukit Uhud	221

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Tuhan yang sentiasa membimbing hambanya ke jalan kebenaran. Juga salam sejahtera buat Rasulullah serta ahli keluarga baginda yang dengan sifat 'al-amin' baginda, telah menyempurnakan tugas dengan penuh tabah dan berani. Juga para sahabat baginda yang merupakan benteng yang begitu kukuh mempertahankan syiar yang suci lagi murni buat umat seluruh alam.

Syukur pada Allah yang telah memberi peluang dan ilham kepada saya untuk menghasilkan buku ini. Sebuah kisah pendedahan yang pasti mencabar setiap jiwa pembaca. Telah menjadi adat, tidak semua yang kita fikir baik itu, akan baik kepada orang lain.

Al-quran, kalamullah lagi di tentang oleh manusia hingga sanggup kufur dengan rela mendaftarkan diri sebagai penghuni neraka, apa lagi sebuah pendedahan dari insan yang lemah seperti ini. Bagaimana pun sebarang kritik yang bakal mengundang nanti, di harapkan satu rahmat dari Allah untuk menambahkan lagi keimanan dan ketabahan saya.

Kehidupan di dunia yang semakin mencabar ini, membuatkan kita perlu bersedia serta sanggup di cabar. Namun, semua ini perlu di hadapi dengan jalan yang di redhai Allah. Demi perjuangan ummah, menuntut hak, membela terhadap mereka yang di aniayai dan memastikan kalimah jihad dan syahid itu tidak di kerandakan oleh pihak tertentu, terpaksa satu pengorbanan di lakukan. Dalam proses melalui liku-liku pengorbanan itu, mahu tidak mahu akan ada pihak yang terkorban atau terpaksa di korbakan.

Biarlah pembaca lebih rasional menghadapi pendedahan dalam buku ini, dengan harapan terselamat kita dari amalan assobiyah dan kronisme. Hidup dan perjuangan kita bukan kerana sesiapa melainkan kerana Dia Yang Maha Esa Maha Agung.

“ Bimbinglah kami ke jalan yang lurus # iaitu jalan orang yang Engkau telah anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang yang di murkai, dan bukan pula jalan orang yang sesat”
Al-Fatihah 6 - 7

C.N. AL-AFGHANI
10.10. 10
Kg. Memali, Kedah



CERITA DALAM KERETA

Pertengahan tahun 1999, selepas ceramah di Pusat Tarbiah PAS Taman Melewar, Mohamad Sabu(MS) meminta saya mengikutnya. Ke mana, tak di beritahu. Saya mulanya enggan kerana sedang mengemas barang-barang jualan di tapak ceramah itu. Memandangkan dia serius, seperti ada hal penting, saya setuju. Saya tinggalkan urusan kemas barang-barang itu kepada sahabat, saudara Shukri Hj. Musa atau glamornya Awang. Saya tak ingat siapa lagi, selain Abu Bakar Rashid atau glamor dengan Bakaq Hulk, yang turut berada dalam kereta itu.

MS yang saya panggilnya abang Mat tidak beritahu ke mana saya di bawa. Nampaknya kereta itu menuju ke arah Petaling Jaya. Mengikutnya, sudah lama dia ingin bertanya sesuatu pada saya. Berkaitan isu Tabung Mangsa Memali(TMM) dan juga isu antara saya dengan Yusuf Husin(YH). Saya tidak tanya apa tujuannya, kerana saya amat berminat untuk memberitahu siapa saja pimpinan tertinggi PAS akan perkembangan Madrasah Islahiah Diniyah, Kg. Memali (MID).

Apa yang saya ceritakan pada MS malam itu, terutamanya tentang salahlaku YH, hampir sama dengan laporan tersebut. MS selaku AJK Pas Pusat dengar maklumat dari saya dengan penuh kusyuk. Saya juga begitu ghairah bercerita tanpa sedar yang kami telah melepasi PJ dan menuju ke Shah Alam. Cerita saya tergantung sementara apabila kereta itu berhenti di hadapan rumah MS, seksyen 19. Saya kenal rumah itu, sebab saya pernah tidur di rumah tersebut. Rupanya dia membuat jamuan untuk kawan-kawan lebih kurang 15 orang. Tak lama di rumahnya. Siap makan kami bergerak semula ke Kuala Lumpur.

Dalam perjalanan itu, kisah Memali disambung semula. Hampir jam tiga pagi kami sampai di Taman Melewar. MS sempat

mengucapkan terima kasih atas kerjasama saya memberi maklumat padanya. Saya pesan padanya agar dia lakulah sesuatu untuk menyelamatkan MID dan perjuangan As syahid Ustaz Ibrahim Libya(AUIL). Sementara saya bersama Awang, bertolak pulang ke Memali. Entah kenapa malam itu mata saya tidak mengantuk, badan pun tidak penat seperti selalunya. Mungkin terasa puas kerana hajat untuk meluahkan perasaan berkaitan isu MID dan YH kepada pimpinan sudah terlaksana. Biasanya setiap kali mengemaskan barang-barang jualan selepas ceramah, badan cukup letih untuk meneruskan perjalanan pulang. Kerap kali akan berhenti tidur di perhentian lebuhraya.

MS bukan saja sumber ekonomi kepada penganjur ceramah, juga kepada kami para peniaga di tempat ceramahnya. Kehadiran peminatnya tak pernah kurang dari tiga ribu orang. Setengah tempat di Kedah, lebih dari sepuluh ribu hadirin. Sebab itu, tidak hairanlah kalau para peniaga di tempat ceramah akan mengikuti program ceramah MS di mana juga. Saya sendiri, selain dari kawasan utara tanah air, pernah mengikuti programnya hingga ke Kuantan, Melaka dan Muar. Kuala Lumpur sudah jadi macam rumahtangga sendiri. Itulah aktiviti saya sejak 1997 sehingga tahun 2000 sebelum di tahan bawah ISA selama lima tahun dua bulan.

Serba sedikit isu Memali ini pernah saya berbual dengan Allahyarham Ustaz Hassan Shukri. Ianya berkaitan wang balu-baluh syuhada sebanyak RM 30,000 yang di laburkan ke dalam Koperasi Al-Hilal. Saya ingin tahu kenapa wang pelaburan itu yang dulunya atas nama pengerusi, setiausaha dan bendahari Lembaga Tadbir MID, berpindah nama kepada saya seorang. Isu ini telah menjadi fitnah terhadap saya yang di canangkan oleh YH kepada Presiden, Allahyarham Ustaz Fadzil Nor(UFN). Ustaz Hassan mengaku yang dia tidak tahu kenapa boleh jadi begitu. Saya di minta merujuk kepada orang yang bertanggungjawab, saudara Hazrin.



Saya pernah menyatakan hasrat untuk meninggalkan MID dan juga Bengkel Jahitan Memali(BJM). Allahyarham menasihati saya agar jangan berbuat begitu, kerana tak ada orang yang boleh mengambil tugas menguruskan Koperasi Madrasah Islahiah Diniah (KOMID) dan juga bengkel jahitan itu. Kalau saya berhenti juga, dia pasti kedua-dua projek itu akan tutup. Allahyarham juga mengingatkan saya agar berhati-hati dalam menghadapi krisis dengan YH. Dalam pengalamannya menghadapi beberapa kes yang sama sebelum ini, akhirnya orang yang ada jawatan atau paling rapat dengan pimpinan akan selamat.

“Dalam kes anda ini,ana tau siapa betul,sapa salah, Macamana pun anda kena faham, anda sekarang bukan gaduh dengan YH, tapi di anggap lawan parti. Tak mustahil satu hari anda kena pecat. Ana dah masak sangat kes-kes macam ni.” Itulah antara kata-kata allahyarham yang masih saya ingat.

8
Apa yang di sebut oleh allahyarham Ustaz Hasan itu,benar-benar berlaku. Lima minggu sebelum di tahan bawah ISA, saya menerima surat dari Pejabat Agong Pas Pusat, bahawa saya di pecat keahlian dari ahli PAS. Saya tidak sedih,kerana telah menduga perkara ini akan berlaku. Cuma saya amat sedih bila teringat antara tulisan Sheikh Yusuf Qardawi yang memberi amaran kepada mana-mana pimpinan gerakkan Islam, agar berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan memecat keahlian seseorang anggota jemaah Islam. Mengikutnya,adalah satu kesalahan besar memecat anggota jemaah gerakkan Islam, kerana ia merupakan antara tentera Allah yang berjuang untuk agama Allah. Dengan pemecatan itu menyebabkan ibadatnya terhadap perjuangan Islam terhalang. Kecuali pemecatan itu di lakukan mengikut lunas-lunas yang di benarkan oleh syarak.

Saya tidak mahu mengatakan bahawa pemecatan saya ini satu dosa besar terhadap pimpinan Pas.Saya mahu mengajak anda membuat penilaian sendiri setelah mengikuti pendedahan yang akan

di paparkan nanti. Saya tidak marah pada keputusan yang di buat kerana saya sedar Ajk Disiplin parti menerima tekanan dari pihak tertentu. Siapa pihak tertentu itu, anda akan tahu setelah bersabar membaca kisah seterusnya.

Apa yang telah saya ceritakan tentang perkembangan MID, YH dan TMM pada MS ? Ikutilah satu persatu. Semoga memberi manfaat pada semua pihak yang boleh di jadikan muhasabah diri masing-masing. Saya bertanggung jawab isi kandung pendedahan ini dengan penuh sedar tindakan ini di perhatikan oleh para malaikat yang akan kembali memberi laporan pada Allah yang lebih mengetahui.

HIJRAH CURAH BAKTI

Tahun 1990, saya bertugas sebagai wartawan Harakah cawangan Kedah. Kerja yang tidak menentu masa membuatkan saya lebih banyak tidur di pejabat yang terletak pada tingkat 2 bangunan Pas Kedah Jalan Kota, Alor Setar selang sebilik dengan pejabat Dewan Pemuda Pas Negeri Kedah (DPPNK). Setiausaha DPPNK adalah saudara Aris Awang, masih bujang yang juga setiap malam tidur di pejabat. Kadang-kadang hari raya pun dia tak pulang kerana sibuk dengan kerja-kerja DPPNK.

Seorang bekas graduan muda yang gigih serta komited dengan Pas. Bersikap tegas dan lantang menegur tak kira siapa saja. Kami berdua amat akrab kerana sepanjang hari bersama. Minum pagi di lorong belakang bangunan Pas sudah menjadi rutin kami. Makan tengahari jarang bersama, kerana Aris suka makan nasi bungkus di pejabat. Sikapnya memang tak suka membuang masa. Saya pula keluar cari bahan berita. Malam kami bertemu.

Selepas PRU 1990, YH diarah bertugas sepenuh masa dengan Jentera Pilihanraya Negeri(JPN). YH juga terpaksa tinggal dan tidur di pejabat Perhubungan Pas Kedah. Maka antara saya, Aris dan YH menjadi teman rapat tiga serangkai. Kami bertiga sama-sama menjadi Exco DPPNK. Ketua DPPNK adalah Tuan Hj. Najib Fahmi Hj. Yahya Junid dan timbalannya Ustaz Hasan Razak.

Sepanjang bersama dengan YH inilah saya lebih mengenali perjuangan AUIL. Hati saya tersentuh dengan kisah-kisah sedih dalam peristiwa Memali. Selaku wartawan Harakah, banyaklah masa yang saya berikan untuk turun ke Memali. Dengan itu hubungan saya dengan mangsa Memali makin mesra, terutama keluarga para syuhada. Renungan dan linangan air mata anak-anak yatim Memali, memahat rasa cinta terhadap mereka yang akhirnya mereka ini saya anggap sebagai anak-anak sendiri. Saya sudah



bertekad, susah senang akan bersama mereka. Perasaan bertambah hiba lagi bila melihat keadaan MID yang seperti tidak terurus.

Satu isu yang menyentuh jiwa saya apabila meneliti tulisan lirik nasyid 'Bumi Memali' oleh ketua kumpulan nasyid. Tulisan adik Nasri bin Ramli itu bercampur aduk huruf kecil dan besar serta turun naik bagai ular di palu. Sebagai bekas guru, saya rasa bersalah melihat keadaan ini. Mungkin ramai lagi pelajar MID yang begitu. Jiwa saya tertekan, akhirnya terpaksa memberitahu YH hasrat untuk berkhidmat membantu pelajar di MID. YH bersetuju dengan syarat kena tinggal di Memali. Saya juga setuju untuk tinggal di sana dengan syarat YH kena cari isteri untuk saya. Secara seloroh YH kata boleh kerana balu syuhada banyak.

Dia cadangkan seorang balu yang muda mempunyai dua orang anak dan nama serta perangai pun sama dengan isterinya, Rokiah. Februari 1992 saya berkahwin dengan balu kepada As syahid Mohd. Radzki @ Zakaria bin Ahmad. Mempunyai 2 orang anak lelaki yang berusia enam dan sepuluh tahun. Ketika bertemu dengan Saudara Kamal Koh dalam muktamar Pemuda Pusat di Taman Melewar 1992, dia mengucapkan tahniah kepada saya. Mengikutnya kalau lambat saya meminang dia bercadang hendak masuk meminang untuk jadikan isteri kedua.

Ketua Dewan Muslimat Pusat dalam satu program DPPNK di Pantai Merdeka, juga mengingatkan saya agar jaga baik-baik balu syuhada. Pada mulanya Ustazah Jamilah yang saya panggil Kak Lah, merungut juga bila saya berpoligami. Tapi dia akur bila tahu saya kahwin dengan balu syuhada.

Sejak berkahwin dengan balu itu, hubungan saya dengan YH semakin erat. Kami sering pulang bersama ke Memali dari pejabat perhubungan. Biasanya kami pulang lewat malam jam dua belas ke atas. Saya lebih banyak menjadi pemandunya dan saya tak kisah kerana saya menyenangkannya selaku murid AUIL. Sepanjang perjalanan pulang itu kami banyak berbual dan berbincang tentang



masa depan MID juga aktiviti DPPNK. Juga pengalamannya bersama AUIL dulu. Sesuatu yang saya masih ingat dan mengamalkan hingga hari ini pesanan dari AUIL mengikut YH adalah,

'kita tidak boleh berdiam diri, menutup mulut atau memejam mata atas kemungkaran, maksiat dan kezaliman yang di lakukan semata-mata orang itu pernah berbudi pada kita'.

Hujung 1992 secara rasminya saya berhijrah dari kampung asal Kuala Nerang ke Kampong Memali. YH memberi kuasa penuh pada saya untuk melakukan apa-apa yang saya fikirkan perlu dalam pentadbiran dan kewangan MID. Niat asal saya untuk membantu pelajar tidak di lupakan. Saya dapati hampir 30 pelajar peringkat menengah yang tidak mahir membaca dan menulis rumi. Saya ambil masa sejam sehari membimbing mereka. Dalam tempuh 3 bulan, semua pelajar ini dapat membaca dan menulis dengan baik. Setelah itu, saya ujudkan pula satu subjek khas untuk peringkat menengah, di namakannya Politik Tanah Air. Tujuan untuk mendedahkan pelajar kepada isu-isu semasa tentang politik yang berlaku dalam negara, agar mereka celik politik.

Sedikit demi sedikit perubahan di lakukan dalam pentadbiran serta kewangan, kurikulum dan ko-kurikulum. Guru-guru yang ada, majoriti berpendidikan pondok dan sekolah agama. Sukar bagi mereka untuk menerima perubahan seperti pendidikan jasmani dan lukisan. Puas juga saya bersabar untuk menghadapi karenah ini.

Alhamdulillah, akhirnya mereka dapat terima hingga acara sukan seperti merentas desa dapat di adakan. Pemuda dan orang kampung turut beri kerjasama. Sebelum saya datang, waktu pulang pelajar adalah jam 12.45 tengahari. Alasan dari YH selaku setiausaha MID, kerana ada guru-guru di kalangan suami isteri nak balik masak untuk makan tengahari. Juga pelajar yang pulang dengan bas akan lewat sampai rumah jika pulang lebih dari jam 1.00 petang kerana jadual bas tak menentu.

Alasan ini saya tak dapat terima. Tidak wajar sekolah agama seperti MID tidak melatih pelajar untuk solat jemaah zohor sebelum pulang. Akhirnya saya buat satu kertas kerja membentuk disiplin pelajar. Waktu pulang pelajar ialah selepas solat zohor. Semua pelajar dan guru diwajibkan solat jemaah. Pelajar perempuan yang uzur tak boleh pulang selagi tak selesai kawan-kawan solat. Pulang mesti bersama. YH menyokong kuat keputusan ini. Bila di laksanakan, dia sendiri tidak mematumhinya, masih meneruskan kerja-kerja di pejabat MID. Satu sikap yang kurang saya senangi kerana membelakangi keputusan yang di buat, tidak sepatutnya selaku ketua, menunjuk contoh yang tidak baik buat orang bawah.

Peringkat awal, banyak juga waris yang membantah. Setelah di beri penjelasan,akhirnya mereka setuju dan terdapat waris yang datang awal untuk sama-sama solat jemaah. Saya minta guru disiplin ketika itu, Cikgu Khotub Ibrahim berunding dengan pihak bas menyusun jadual perjalanan yang sesuai dengan masa pulang pelajar MID. Sementara guru-guru yang suami isteri bertugas di MID boleh mengambil masakan di kantin bawa pulang. Tak perlu masak di rumah untuk makan tengahari.

Sepanjang tiga bulan berkhidmat, saya cuma perhatikan sistem pengaliran masuk dan keluar wang MID. Yuran pelajar banyak yang tercicir. Saya faham rata-rata waris adalah orang miskin. Sumbangan orang ramai pun tak seberapa. Pendek kata kewangan MID amat terhad. Rata-rata guru di bayar elaun bawah dua ratus ringgit. Saya sendiri di beri suguhati oleh YH hanya seratus lima puluh sahaja sebulan. Waktu ini saya tidak lagi berkhidmat dengan Harakah sepenuh masa, sekadar pemberita sambilan. Ada berita, adalah imbuhan. Memang sukar untuk saya mencari berita kerana sibuk di MID.

Bagaimanapun saya masih sebagai Aik DPPNK. Memegang Ketua Unit Amal Kedah kemudian Pengarah Pasti Kedah.Melalui jawatan peringkat negeri dan juga aik beberapa lujnah di peringkat pemuda

pusat, banyakkah kenalan di setiap negeri. Dalam usaha membantu pendapatan guru dan meringankan bebanan waris, saya cadangkan penubuhan Koperasi Madrasah Islahiah Diniyah(KOMID). Setiap kakitangan MID melabur 100 ringgit seorang yang jumlahnya RM 2,200 dari 22 orang kakitangn MID. Projek pertama adalah mengedar kicap,sos dan rempah jenama KOMID.

Sambutan dari masyarakat setempat dan waris cukup menggalakkan. Semua kakitangan MID diwajibkan membeli produk keluaran KOMID. Dalam masa beberapa bulan sahaja pendapatan menjangkau lebih dari dua ribu ringgit. Setiap kali mesyuarat,saya akan meminta komen dari ahli KOMID tentang kualiti produk dari masa ke masa. Semua memberi komen yang baik kecuali YH. Alasannya tak sesuai dengan selera keluarganya.

Komennya itu sungguh mendukacitakan saya, kerana dia merupakan SU MID yang sepatutnya memberi semangat pada yang lain dengan mengutamakan produk KOMID. Maklumat yang saya dapat selepas itu, bahawa YH sejak dari awal datang ke Memali tidak pernah membeli barang-barang di kedai kampung. Keluarganya berbelanja di kedai bukan Melayu di Kampung Lalang hinggalah ke hari ini. Sejak itu, saya perhatikan dia memang seperti tak berminat dan kurang peduli dengan perkembangan KOMID. Akhirnya dengan usaha bersungguh ahli khususnya Ustaz Ishak, KOMID berjaya membuka sebuah kedai runcit di hadapan sekolah.

Melihat kepada sambutan baik, saya mula menyusun program memperingati mangsa Memali luar dari Kedah. Di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor,Perak, Pahang, Terengganu,Melaka dan Johor. Melalui program ini, kami perkenalkan produk KOMID. Dari situ terbentuklah pula stokis produk KOMID di beberapa tempat. Dalam tempoh tak sampai dua tahun, KOMID telah berjaya mengumpul dana lebih sepuluh ribu tidak termasuk aset dalam kedai runcit. Seterusnya saya berhubung dengan pihak Koperasi Al-Hilal untuk mengedar produk KOMID. Ramadhan 1994, saya

telah memperkenalkan produk baru dari KOMID, iaitu biskut durian.

Kohilal menjadi pengedar utama. Suatu hari ketika memuatkan biskut ini ke dalam lori, YH terkejut melihat kotak-kotak biskut yang memenuhi lori hingga ke paras bumbung kanvas. Dia bertanya kepada pemandu lori, Shukri Harun yang pernah menjadi mangsa keganasan polis dalam peristiwa Memali. Waktu itu dia masih remaja. Sekarang menjadi pemandu lori Harakah milik Tuan Hj. Najib Fahmi. Bila dia beritahu YH bahawa itu biskut durian yang akan di hantar ke KOHILAL, saya dengar YH berkata, “Tak kan macam ni kot, banyak ni. Ana macam tak percaya.” Dia menjadi hairan kerana dia jarang datang ke MID, banyak masanya di Perhubungan Negeri.

Di waktu yang sama, saya dapat merasai wang MID di monopoli oleh bendahari. Saya suarakan rasa kurang senang ini pada YH. Hasilnya, dia menyerahkan tugas kewangan itu buat sementara kepada saya. Dari situlah saya mengetahui bahawa akaun MID di pecahkan kepada dua. Satu untuk MID dan satu lagi untuk tabung mangsa Memali. TMM ini pula terbahagi kepada beberapa pecahan iaitu, pertama untuk mangsa Memali. Wang dari pecahan ini boleh di gunakan untuk semua kategori orang-orang yang pernah di tahan di lokap, penjara dan Kem Kemunting (KEMTA). Termasuk juga untuk keluarga syuhada. Ianya juga di gunakan untuk kos perbelanjaan kes perbicaraan tuntutan saman oleh balu-balu terhadap kerajaan.

Pecahan kedua adalah untuk balu syuhada. Wang dari pecahan ini boleh di gunakan untuk samada isteri dan anak-anak syuhada. Sementara pecahan ketiga adalah untuk anak-anak yatim. Di mana wang ini di khususkan untuk kegunaan anak-anak yatim sahaja. Pada peringkat awal saya dapati wang yang ada tidaklah banyak, belasan ribu sahaja. Setelah beberapa siri program di luar Kedah, barulah sumbangan dari orang ramai mencurah yang akhirnya




wang untuk TMM dan juga MID mencecah ratusan ribu ringgit.

Di samping itu, jualan kaset nasyid pelajar MID dan buku-buku yang saya tulis berkaitan dengan Memali dan AUIL juga memberi infak yang besar pada MID. Satu sen pun saya tak ambil sebagai royalti menulis buku-buku tersebut. Terpulang kepada budibicara YH. Di muka akhir setiap buku itu, saya lampirkan borang sumbangan pembaca kepada MID dan TMM. Hasilnya

MID berjaya mendirikan sebuah bangunan baru yang terdiri dari bilik darjah dan dewan solat. Pelajar juga semakin bertambah lebih dari 300 orang. Pelajar asrama lelaki dan perempuan lebih dari seratus orang. Sewaktu menguruskan kewangan MID ini saya menetapkan setiap wang keluar lebih dari sepuluh ringgit, mesti ada invois. Sebelum ini wang keluar tak pernah di rekod secara jelas. Bendahari boleh guna duit secara bebas dengan hanya sekadar maklum pada YH. YH juga rasanya tidak telus dalam hal ini, kerana wang tunai MID sentiasa tersimpan di rumahnya tak kurang dari tiga ribu ringgit.

Penyata kewangan tak pernah ujud dan juga juruodit tidak mengambil tahu perjalanan kewangan MID. Saya pernah bertanya kepada salah seorang juruodit, Tuan Hj. Haron Osman, AJK Pas Kawasan masa itu, kenapa dia tak pantau kewangan MID. Dia tidak menjelaskan apa-apa kecuali berkata 'depa ni susah, biaoq kat depa la'. Apa maksud 'depa' saya pun tak tahu. Saya cuba timbulkan perkara ini pada YH. Dia tak banyak komen. Acuh tak acuh saja. Macam dia tak berminat bincang isu ini.

Pernah berlaku beberapa kes hilang wang dari almari PIBG dan juga almari kerani. Peliknya, wang ini tidak di ambil semua, sekadar mungkin keperluan individu berkenaan. Saya sebut pada YH yang saya syak orang dalam. Dia tidak bersetuju. Saya minta izin padanya untuk membuat majlis baca yasin dan juga bertemu orang tertentu di Pondok Lanai untuk minta petunjuk siapa pencurinya. YH tidak benarkan dengan alasan nanti terfitnah kawan sendiri.



*Kumpulan Nasyid yang pernah mengharumkan MID
15 tahun yang lalu.*



Kaset yang telah mendatangkan banyak dana kepada MID

Jadi saya pun diam sahajalah. Begitu juga bila saya sarankan untuk membuat laporan polis, YH tak setuju dengan alasan boleh memalukan pihak MID. Selang tak berapa lama, YH minta saya serahkan semula urusan kewangan kepada bendahari MID, Saya akur. Dalam diri saya sudah timbul rasa kurang senang, seperti ada sesuatu yang tak kena. Saya amat bimbang takut berlaku salahguna wang orang ramai, pasti kecewalah para penyumbang.

Kebanyakan sumbangan pada masa itu melalui money order yang bernilai RM 10, RM 20, RM 50 dan juga RM 100. Kadangkang money order ini kosong tanpa sebarang catatan atau ada catatan tetapi di tinggalkan kosong pada ruang penerima. Dengan ini, siapa pun boleh ambil dengan menulis namanya. Di waktu MID dan KOMID bergerak maju, saya di beri tugas baru oleh YH. Dia mengumumkan pada kakitangan MID yang saya tak terlibat lagi dengan urusan pentadbiran. Saya di beri tugas sebagai Pegawai Perhubungan Luar. Hal-hal berkaitan pentadbiran, kewangan dan kurikulum MID saya tidak boleh campurtangan. YH berkata urusan itu akan di ambil alih oleh seorang penyelia. Sebelum ini tidak pernah ada jawatan penyelia. Saya yang cadangkan padanya supaya mengujudkan jawatan penyelia itu. Dia amat bersetuju.

Tahun 1995, saya terpaksa menumpukan sepenuh masa untuk KOMID dan juga urusan bengkel jahitan balu-baluu Memali (BJM). Hati kecil saya masih tertanya kenapa YH tidak membenarkan saya mencampuri hal pentadbiran, kewangan dan kurikulum MID. Lebih mengejutkan lagi, apabila penyelia yang di maksudkannya itu adalah dirinya sendiri. Bermakna mulai tahun 1995 itu, YH memegang dua jawatan penting di MID, Setiausaha dan juga Penyelia. Sesuatu yang tidak pernah di buat orang. Mungkin orang lain menganggap ini sebagai satu yang lucu, tetapi tidak pada YH, kerana dia ada matlamat.

Sungguh pun ada lembaga tadbir, tapi kuasa sebenar di tangan YH. Bila ada orang bertanya status MID, YH akan mengatakan MID

berada di bawah Pas Kawasan Baling. Sedangkan Pas Kawasan tak pernah ambil peduli urusan MID. Apabila berlaku masalah, YH akan menuding jari pada Pas kawasan. Bebanan dari kerjanya yang bermasalah itu terpaksa di pikul oleh Pas Kawasan. Dia mencari jalan selamat.

Sepanjang berkhidmat di MID, saya tidak melepaskan jawatan Exco DPPNK. Saya tidak mahu memutuskan hubungan dengan pimpinan pemuda negeri Kedah, juga lain-lain negeri. Saya gunakan kedudukan itu untuk promosi MID, KOMID dan BJM. Kalau tidak mengenali orang-orang ini, sukar saya nak adakan program di beberapa negeri. Sewaktu menjadi Pengarah PASTI Kedah, saya telah berusaha melobi Ajk PASTI pusat agar mengadakan Ijtimak PASTI Malaysia kali ke 2 di Memali.

Sungguh menghairankan, sebelum itu apabila saya ajukan keputusan PASTI pusat untuk adakan ijtimak di Memali dalam mesyuarat DPPNK, YH selaku ketua DPPNK pada mulanya tidak setuju dengan cadangan tersebut. Alasannya, bimbang saya dan PASTI Kedah tak mampu mengendalikan program itu. Oleh kerana semua ajk lain bersetuju, YH terpaksa setuju. Di luar mesyuarat, dia beritahu saya yang dia tidak mahu campur program itu. Saya terima itu sebagai satu cabaran untuk membuktikan saya boleh uruskan tanpa bantuan darinya.

Alhamdulillah, program pada 29 dan 30 Mac 1996 ini berjalan dengan lancar atas sokongan banyak pihak, khususnya Pasti Negeri dan Kawasan, Unit Amal Negeri dan Kawasan juga ahli-ahli Pas di sekitar Memali. Cikgu Noh Ahmad, Pengarah Pasti Pusat sangat berpuas hati, apabila program itu dapat menghasilkan lima ribu ringgit untuk Pasti Pusat.

Bila YH kembali bertugas semula di Memali dan tidak membenarkan saya campur tangan di MID, kecuali KOMID dan BJM, hati saya tak pernah tenang. Apakah agenda sebenar YH di sebalik ini. Dalam perbualan saya dengan Setiausaha Perhubungan ketika



itu, allahyarham Ustaz Suhaimi Hj.Ahmad, saya di beritahu yang YH beberapa kali jumpa allahyarham Ustaz Fadzil merayu untuk pulang ke MID.

Mulanya allahyarham tidak benarkan kerana saya dah ada untuk uruskan MID. Untuk menyakinkan allahyarham, akhirnya YH membuat cerita yang saya tidak dapat di terima oleh guru MID dan banyak menimbulkan masalah dalam pentadbiran. Dia terpaksa kembali menyelesaikan masalah di MID. Untuk itu dia minta pulang dalam tempoh setahun sahaja.

Apakah yang mendorong YH cuba memburukkan saya dan menghalang saya beri khidmat di MID. Tidak lain adalah nafsu. Nafsu untuk berkuasa dan tidak mahu melihat orang lain melebihinya. Kadang-kadang YH cuba perkecilkan kerja-kerja saya hingga bawa ke dalam mesyuarat DPPNK. Sehingga sdr. Basir Ismail, bendahari DPPNK waktu itu, menegur sikap YH yang tidak rasional. Sedar yang dia tidak boleh pengaruhi, kawan-kawan dalam DPPNK, YH tidak lagi perlekehkan hal saya di depan mereka.

Hubungan saya dengan penduduk kampung Memali dan juga kakitangan MID cukup mesra. Apa juga perubahan yang saya cuba lakukan dalam MID serta PAS cawangan mereka sokong. Saya sedar, nama saya sudah mula di sebut oleh penduduk dan waris pelajar MID. Saya sudah menjadi perhatian dan harapan mereka. Sebenarnya saya tidak minta di sanjung, cukup hormati dan sokongan terhadap kerja buat saya untuk memajukan MID serta menjaga kebajikan keluarga syuhada. Hasrat saya untuk melihat, suatu hari pelajar MID belajar secara percuma dan elaun guru mencecah empat angka.

Kerana itu saya perlu sokongan semua pihak samada guru,waris,penduduk Memali dan sekitarnya juga ahli Pas seluruh negara. Dengan sokongan kuat oleh Ustaz Ishak, Cikgu Khotub,Ustazah Salmiah,Ustazah Fahkriah, Ustazah

Mashitah,Ustazah Azura,Ustazah Rohani,mudir dan ramai lagi, MID bergerak maju. Dalam mesyuarat samada Lembaga Tadbir atau kakitangan MID, di akhir keputusan banyak yang merujuk pada saya, tidak pada YH seperti sebelum ini. YH mulai sedar dan dia pernah merungut hal ini pada saya dengan sedikit rasa kecewa. Keadaan bertambah rumit lagi bila saya hadir ke mesyuarat DPPNK. Kawan-kawan sering bergurau di hadapan YH dengan memanggil saya 'penghulu Memali'. Masam juga muka YH mendengarnya.

Seorang kakitangan veteran Perhubungan Negeri, Hj.Ramli yang saya panggil 'abang Li' kadang-kadang 'Ramli Haji',sangat suka bergurau dengan saya di hadapan YH.Selalu dia berkata, 'Ha! Penghulu Memali mai dah. Pak Cup (nama glamor YH) tak dak apa dah. Habih balu boleh kat Cikgu Non(nama glamor saya).'' Pada kami, ini adalah gurauan semata-mata. Sebaliknya pada YH tidak. Dia tidak dapat menerima nama saya kerap di sebut samada di MID atau di Perhubungan Negeri. Seolah-olah saya sudah menjadi ancaman padanya.

Ketika YH meletak jawatan sebagai Setiausaha Pas Kawasan Baling, YDP Kawasan,Ustaz Hj.Wahab Hasan pernah bersuara untuk pelawa saya mengisi jawatan itu. YH yang turut ada dalam perbualan selepas kuliah YDP di surau MID, segera membantah. Belum pun sempat saya sebut apa-apa samada setuju atau tidak, dia telah membuat keputusan. Pada saya memang sama sekali tak akan terima jawatan itu, kerana mahu tumpukan pada MID. Lagi pun,dari dulu saya tidak pernah memegang jawatan penting dalam parti lebih dari satu.

Sewaktu menjadi ketua pemuda Pas kawasan Pdg.Terap, saya lepaskan jawatan ketua cawangan. Setelah saya di lantik Ajk DPPNK, saya lepaskan pula jawatan itu kepada timbalan, saudara Ir,Munir Zakaria. Saya hanya tumpukan di DPPNK. Saya suka pilih jawatan yang lebih mencabar, mungkin tabiat saya suka kepada hal-hal yang mencabar. Lagi pun pada saya, menerima jawatan yang



Justeru itu, dalam beberapa keadaan dia lebih mengutamakan atau mendahulukan anak-anak yatim dan balu-balu Memali. Padanya inilah antara sunnah yang mampu untuk dia amalkan, kerana Nabi sentiasa menghormati keluarga sahabat-sahabat baginda yang gugur syahid di dalam peperangan menentang kaum Qurais. Hingga ada balu syuhada, yang Nabi jadikan isteri sebagai usaha menjaga kebajikan mereka. Bagi MOHD SABU, keluarga syuhada Memali merupakan ibu tunggal dan anak yatim yang paling istimewa. Suami atau bapa mereka bukan mati seperti orang biasa, sebaliknya di bunuh oleh pemerintah. Bukan di bunuh kerana mengedar dadah, membunuh, merompak, merogol dan sebagainya. Mereka di bunuh kerana memperjuangkan agama Allah, agama yang benar lagi adil. Mereka di bunuh kerana mahu menegakkan kebenaran dan meruntuh kebatilan. Sebab itu bagi MOHD SABU, keluarga syuhada Memali ini layak di beri perhatian dan di hormati. Setitik air mata mereka gugur atas perbuatan kita, tunggulah kemurkaan Allah.



RM 20.00

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAKSIAN AN
KEMERIAHAN
PESAKA RA